

**Barisan Nasional tidak lupa masyarakat luar bandar – Shafie  
Utusan Online  
18 April, 2012**

PADANG BESAR 17 April - Masyarakat luar bandar tidak pernah terpinggir dalam arus pembangunan kerana kerajaan Barisan nasional (BN) sentiasa memberi perhatian kepada mereka, kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal hari ini.

Sehubungan itu, kata beliau, masyarakat luar bandar seperti juga mereka di bandar akan terus berpeluang menikmati pelbagai kemudahan selagi BN menerajui kerajaan.

BN telah pun terbukti berupaya membela rakyat melalui pelbagai program dan kegiatan yang dirancang rapi, katanya yang juga Naib Presiden UMNO semasa berucap pada program Mesra Rakyat Parlimen Padang Besar anjuran Kemas Perlis di Taman Santan II dekat sini yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu.

Hadiri sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Santan, Sabry Ahmad.

Sambil menolak dakwaan pakatan pembangkang bahawa negara ini telah bankrap, Shafie menegaskan kerajaan terus berkeupayaan membawa negara mencatat pertumbuhan ekonomi sehingga mampu memperkenalkan pelbagai jenis bantuan kepada rakyat.

Antaranya, kata beliau, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang mana kerajaan telah menyediakan peruntukan RM2.6 bilion untuk membantu 5.2 juta isi rumah berpendapatan kurang RM3,000 dengan setiap isi rumah menerima RM500.

Menurut Shafie, pakatan pembangkang hanya memperjuangkan politik sempit mereka dan membuat janji-janji untuk memikat sokongan rakyat dan bukan berjuang mewujudkan negara yang cemerlang.

Pada sidang akhbar kemudian, Shafie mengumumkan kerajaan meluluskan peruntukan RM42 juta bagi melaksanakan projek-projek prasarana untuk dinikmati penduduk luar bandar di negeri ini, antaranya melibatkan pembinaan jalan raya, perumahan dan bekalan air bersih.

"Ini supaya rakyat di luar bandar tidak terpisah dengan pembangunan dijalankan oleh kerajaan. Sehingga kini projek-projek yang dirancang itu berjalan dengan lancar," katanya.

Lawatan sehari Shafie ke Perlis antaranya untuk meninjau projek-projek yang dilaksanakan oleh kementeriaannya.

Beliau juga sempat mengadakan pertemuan dengan veteran UMNO di Kampung Bongkok 3 di Jalan Santan dan menghadiri program Mesra Rakyat Bersama Komuniti Usahawan Perlis di Dewan 1Malaysia, Simpang Empat dekat sini.

Sempena lawatannya itu, Mohd. Shafie turut meluluskan peruntukan sebanyak RM450,000 untuk pembinaan Dewan Serbaguna di Taman Santan II bagi kemudahan penduduk yang tinggal berhampiran kawasan tersebut.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0418&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)